

09 MAR 1999

Mahkamah-Anwar (Wang)

UMMI BERITAHU AGAK LEWAT KELUAR DARI PAKATAN, KATA AZMIN

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Mohd Azmin Ali, abang kepada Ummi Hafilda berkata adik perempuannya yang mengaku tidak menulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" memberitahunya bahawa "agak lewat" bagi beliau untuk keluar daripada "pakatan" kerana sejumlah wang telah dibayar kepadanya.

"Ummi memberitahu saya bahawa sudah agak lewat untuk beliau keluar dari pakatan ini kerana dia telah komited dan sejumlah wang telahpun dibayar kepada dia," katanya.

Azmin berkata demikian ketika ditanya peguam Christopher Fernando mengenai apa yang dimaklumkan oleh Ummi kepadanya semasa pertemuan mereka di Restoran Seri Melayu, pada 14 Jul 1998.

Azmin, bekas setiausaha sulit bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata demikian sebagai saksi pembela ke-14 pada perbicaraan kes rasuah Anwar.

Anwar, 51, yang juga bekas Menteri Kewangan menghadapi empat pertuduhan rasuah kerana menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya bagi mengelakkan keaiban.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Perbicaraan yang masuk hari ke-68 hari ini didengar oleh Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Sebelum itu, Azmin berkata beliau sebagai abang telah menasihati adiknya itu supaya menarik diri daripada terlibat dalam konspirasi politik, tetapi Ummi membantah nasihatnya.

Pada peringkat ini Paul menegur Fernando kerana saksinya yang membabitkan konspirasi politik, yang telah tidak dibenarkan dibangkitkan oleh mahkamah.

Terdahulu, Hakim membenarkan pihak pembela mengemukakan bukti Azmin bahawa Ummi tidak menulis surat tersebut selepas mendengar penghujahan daripada Fernando.

Dalam penghujahannya Fernando berkata perbualan antara Azmin dan Ummi ada kaitan dan penting kepada kes dan perlu dikemukakan sebagai bukti.

Beliau berkata Ummi mengakui dia telah diminta untuk mengadakan bukti sebagai pertukaran untuk wang dan projek, dia dibayar untuk melakukan sesuatu.

Pihak pembela mengemukakan bahawa ini termasuk memberikan bukti palsu di mahkamah, dan itu berkaitan dengan kredibiliti, berat sebelah dan berkepentingan sendiri, katanya.

Azmin berkata Ummi mengaku tidak menulis surat berkenaan dan menyebut bahawa sekiranya beliau tidak percaya dengan pengakuannya, beliau boleh merujuk kepada surat pengakuan berkanun yang telah dibuatnya beberapa hari sebelum perjumpaan itu pada 1.20 petang 30 Jun 1998 di pejabat ahli perniagaan yang juga ahli politik Datuk Sng Chee Hua.

Surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" bertarikh 5 Ogos 1997 itu dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama-sama satu laporan khas dan pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar, bekas pemandu isteri Anwar.

Azmin berkata beliau tidak ada kena mengena dengan surat pengakuan berkanun adik perempuannya itu yang menafikan penglibatannya dalam buku "50

Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

"Tidak sama sekali kerana semenjak surat itu disebarakan pada Ogos 1997, 26 Jun 1998 merupakan kali pertama saya bertemu Ummi iaitu selepas beliau membuat surat berkenaan," katanya ketika ditanya sama ada beliau terlibat dengan surat berkenaan.

Semasa ditanya mengenai dakwaan Ummi di mahkamah bahawa surat itu dibuat hasil desakan abangnya melalui Sng, Azmin berkata: " Sekali lagi saya ulangi dia pembohong. Saya tidak mempengaruhi beliau dan tidak memaksanya membuat surat berkenaan".

Azmin juga memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak tahu peguam yang menyediakan surat berkenaan.

Semasa pemeriksaan balas oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, Azmin menolak cadangannya bahawa semua keterangannya berkaitan Ummi memberitahunya yang beliau tidak menulis surat itu adalah tidak benar.

-- BERNAMA

NHD RI